

KERAJAAN NAŞRIYYAH DI GRANADA (1238–1492M)  
DAN USAHA PENGEKALAN  
*KHILĀFĀH ISLĀMIYYAH DI ANDALUS*<sup>1</sup>

*Ezad Azraai Jamsari*

*Pendahuluan*

Kerajaan Naşriyyah mewarisi *Khilāfah Islāmiyyah* di Andalus daripada pemerintahan-pemerintahan seperti al-Muwâḥidūn, al-Murâbiflūn, *Mulūk al-fiawā'if*, *Khilāfah Umawiyyah*, *Imārah Umawiyyah* dan era Gabenor. Kenyataan ini tidak boleh dipertikai-kan oleh mana-mana pengkaji yang mendalami pengkajian menge-nai sejarah dan tamadun Islam di Andalus. *Khilāfah Islāmiyyah* telah diisytiharkan secara rasmi di Andalus oleh *Amīr* kelapan *Imārah Umawiyyah* bernama ‘Abd al-Rahmān b. Muḥammad b. ‘Abd Allāh pada tahun 929 Masihi. Bermula dari detik tersebut, beliau dikenali sebagai *Amīr al-Mu'minīn* Khalifah ‘Abd al-Rahmān *al-Nāṣir li Dīn Allāh*. Sementara itu, kemampuan Kerajaan Naşriyyah mengekal-kan *Khilāfah Islāmiyyah* di Granada merupakan satu perkara yang menarik untuk dibincangkan. Namun, maklumat mendalam men-geainya kurang diperoleh, malah tidak dinyatakan dengan jelas dalam sumber-sumber utama mengenai pengkajian sejarah Kerajaan Naşriyyah. Meskipun kerajaan ini ialah sebuah kerajaan yang kecil sahaja dan seringkali dinobatkan sebagai pusat pemerintahan Islam terakhir di bumi Andalus, namun Kerajaan Naşriyyah masih mampu menonjolkan identitinya sebagai sebuah kerajaan yang kukuh dalam mempertahankan kesinambungan kedaulatan Islam di bumi Eropah. Bukan setakat mengekalkan bentuk pemerintahan yang sedia ada, Kerajaan Naşriyyah juga amat cemerlang dalam membina dan mela-

---

<sup>1</sup> Makalah ini ialah edisi dan versi terkini daripada sebuah kertas kerja yang telah dibentangkan pada ‘Seminar Antarabangsa Pemikiran Islam’, anjuran bersama Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Jabatan Hel-Ehwal Khas, Kementerian Penerangan Malaysia di Bilik Senat, UKM Bangi pada 7–9 Disember 2004.

hirkan sebuah tamadun Islam terunggul sepanjang zaman. Oleh yang demikian, faktor-faktor yang mendorong kepada usaha-usaha pengekalan atau kelangsungan pemerintahan ini di Andalus, perlu diperinci dan dibincangkan agar dapat mengenal pasti formula-formula yang digunakan oleh para pemerintah Kerajaan Naṣriyyah dalam meneruskan perjuangan mereka untuk mempertahankan Islam di Andalus selama lebih dua setengah abad.

### *Kerajaan Nasriyyah Sepintas Lalu*

Kerajaan Naṣriyyah yang juga dikenali sebagai kerajaan Banū Naṣr atau Banū al-Āhmar ialah kerajaan Islam terakhir yang memerintah Andalus bermula pada tahun 1238 hingga 1492M (635–897H). Pada zaman pemerintahan kerajaan ini, Andalus telah mencapai era kemuncak kegemilangan tamadun kesenian Islam dengan terbinanya istana Alhambra (al-Ḥamrā') di puncak Banjaran Sierra Nevada (Jabal Shalir/al-Thalj) di Granada yang tetap menjadi “the artistic genius of Muslim Spain”.<sup>2</sup> Kerajaan ini, yang dikenali sebagai *Naṣrid Dynasty* atau *the Kingdom of Granada* dalam bahasa Inggeris, muncul ketika kekuasaan Islam di Sepanyol sedang mengalami keruntuhan. Kerajaan demi kerajaan dan kota demi kota jatuh ke tangan pihak Kristian yang melancarkan gerakan menawan semula kawasan kekuasaan Islam.

Di samping itu, Kerajaan Naṣriyyah juga telah melalui perit getir dalam membangunkan sebuah peradaban insani, di samping menentukan jatidiri bangsanya sendiri. Kegemilangan tamadun Islam ketika ini mencakupi pelbagai aspek kehidupan manusia seperti pengurusan politik dan pentadbiran, perkembangan intelektualisme dan pendidikan, penguasaan bahasa dan kesusastraan Arab, kerancakan aktiviti ekonomi dan perdagangan, perancangan urbanisasi dan pertanian serta peggangan agama dan budaya tempatan yang utuh. Meskipun demikian, kerajaan Naṣriyyah telah berjaya

---

<sup>2</sup> Anwar G. Chejne, *Muslim Spain: Its History and Culture* (Minneapolis: The University of Minnesota Press), hal 360.